

**PERATURAN PENGGUNAAN DEWAN  
KOLEJ PENDETA ZA'BA  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**



1. Penggunaan dewan adalah tertakluk kepada peraturan yang ditetapkan oleh pihak kolej.
2. Pihak kolej akan memberikan satu (1) hari penuh pada hari Jumaat waktu tanpa dikenakan bayaran untuk persiapan majlis sebelum majlis berlangsung pada hari Sabtu atau Ahad.
3. Untuk mengesahkan persetujuan penggunaan dewan, deposit sebanyak 50 % dari harga tempahan dewan perlu dijelaskan selewat-lewatnya dalam tempoh sebulan (30 hari) dari tarikh tempahan dewan.
4. Dengan pembayaran deposit ianya dikira sebagai pengesahan tempahan penggunaan dewan.
5. Sila maklumkan secepat mungkin jika ingin membatalkan tempahan sebelum bayaran deposit dilakukan.
6. Baki keseluruhan termasuk caj kebersihan dan cukai perkhidmatan (GST) perlu dijelaskan sebulan (30 hari) dari tarikh majlis berlangsung.
7. Jika pembatalan tempahan dibuat setelah pembayaran penuh dilakukan hanya 25% dari jumlah pembayaran akan dikembalikan.
8. Jika pembatalan tempahan penggunaan dewan di saat akhir iaitu kurang tujuh (7) hari dari tarikh majlis berlangsung, pembayaran tidak akan dikembalikan.
9. Harus diingatkan caj kebersihan tidak termasuk kos pembuangan sampah dalam bentuk sisa makanan oleh pihak katerer. Pembuangan sampah dalam bentuk sisa makanan oleh pihak katerer adalah tanggungjawab penyewa dewan.
10. Caj kebersihan yang dikenakan hanya melibatkan kos operasi pembersihan dan tenaga kerja yang membersihkan dewan tersebut sahaja.
11. Sekiranya penggunaan melebihi waktu yang dibenarkan, bayaran caj tambahan sebanyak 10% akan dikenakan untuk setiap jam berikutnya pada 2 hari (hari persediaan dan hari majlis berlangsung) yang dibenarkan.
12. Pihak penyewa tidak dibenarkan menampal sebarang poster, notis, banting dan *banner* di mana-mana bahagian di dalam dan di luar dewan.
13. Penyewa yang menggunakan dewan untuk sebarang majlis **DILARANG MENGGUNAKAN** pita pelekat *double sided* berwarna hitam dilantai mahupun di atas pentas dewan.
14. Penyewa **DILARANG KERAS** menggunakan bahan yang mudah terbakar seperti lilin, spotlight berkuasa tinggi atau alat yang mempunyai haba yang tinggi.
15. Mana-mana penyewa yang didapati gagal memenuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan seperti di atas, pihak kolej berhak mengenakan bayaran gantirugi kepada penyewa mengikut nilai harga semasa kerosakan tersebut.